

TARIKH	12 OGOS 2025 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	OPTIMUM SUMBER AIR		
M/S	19 (LOKAL)	KATA KUNCI	LIQUID WASTES, SEWAGE
BIDANG	HYDROLOGY	TREATMENT, WASTE PROCESSING	

Optimum sumber air

Oleh Mohamed
Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

*Johor negeri pertama guna kaedah air kumbahan
dirawat untuk industri khususnya pusat data*

Johor Bahru

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dengan kerjasama Kerajaan Johor melakar sejarah baharu apabila melaksanakan inisiatif air dipulih guna daripada air kumbahan terawat khusus bagi sektor pusat data.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pelaksanaan inisiatif itu menjadikan Johor negeri pertama menggunakan kaedah air kumbahan yang dirawat untuk kegunaan industri khususnya pusat data.

Beliau berkata, melalui inisiatif berkenaan, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, agensi di bawah PETRA, akan membekalkan sehingga 12 juta liter sehari (JLS) air kumbahan terawat kepada loji air pulih guna yang menyokong operasi dua pusat data utama di Johor.

IWK mengeluarkan 7,371 JLS efluen terawat daripada loji rawatan kumbahan di seluruh negara.

Sebanyak 1,067 JLS daripadanya adalah daripada loji rawatan kumbahan di Johor, yang mana ia berpotensi besar untuk digunakan semula bagi tujuan sumber air alternatif.

“Inisiatif menggunakan air dipulih guna itu akan dapat mengoptimumkan sumber air negara, sekali gus mengurangkan beban permintaan terhadap air minuman terawat.

“Saya difahamkan bahawa melalui JSW (Johor Special Water Sdn Bhd), IWK mampu membekalkan sebanyak 12 JLS efluen terawat yang akan diproses melalui loji air pulih guna sebelum disalurkan kepada dua pusat data iaitu *Bridge Data Centers* (BDC) dan *Computility Technology Ma-*

laysia.

“Efluen terawat dari loji rawatan kumbahan IWK di Taman Pelangi Indah, di sini akan dipamkan ke BDC sebagai sumber air dengan infrastruktur pembekalan efluen terawat telah siap dibina dan boleh disalurkan melalui bawah tanah.

“Saya juga difahamkan bahawa paip ini adalah sepanjang 6.5 kilometer (km) ke loji rawatan air pulih guna yang terletak di dalam kawasan BDC bagi penghasilan air pulih guna bagi kegunaan pusat data,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Majlis Pengiktirafan Penggunaan Air Alternatif bagi Industri Pusat Data di negeri Johor di sini, semalam. Hadir sa-

ma, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Johor menerusi inisiatif air dipulih guna itu adalah satu mercu tanda penting bagi menggalakkan pertumbuhan mampan pusat data di Johor, tanpa memberi tekanan kepada bekalan air negeri.

Sebanyak tiga pusat data di Johor mendapat pengiktirafan daripada kerajaan dalam penggunaan air alternatif bagi kegunaan pusat data masing-masing.

Dalam pada itu, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, inisiatif berkenaan juga akan memastikan sumber air alternatif digunakan dengan cekap.

“Lebih penting adalah ia dapat mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber air minuman di Johor, memandangkan penggunaan air adalah tinggi dalam operasi pusat data terutamanya bagi tujuan penyejukan,” katanya.

**“Inisiatif menggunakan air dipulih
guna berkenaan akan dapat
mengoptimumkan sumber air
negara, sekali gus mengurangkan
beban permintaan terhadap
air minuman terawat”**

Fadillah Yusof

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM